

UCAPAN PERASMIAN  
YB DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE  
TIMBALAN MENTERI  
KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

BERSEMPENA DENGAN  
MAJLIS PENYERAHAN SURAT TAWARAN SKIM PERUMAHAN MAMPU MILIK  
SWASTA (MYHOME) BANDAR DATO' ONN, JOHOR BAHRU, JOHOR

12 APRIL 2016 (SELASA)  
9.30 PAGI

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia

Yang Berhormat Datuk Haji Abd. Latiff Bin Haji Bandi  
Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor,

YBhg. Datuk Mohamad Yusoff Bin Ghazali  
Ketua Pengarah, Jabatan Perumahan Negara

Yang Berhormat Dato' Kamaruzzaman Bin Abu Kassim  
Presiden Dan Ketua Eksekutif, Johor Corporation,

YBhg. Tuan Haji A. Rahim Bin Haji Nin  
Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru

Yang Berbahagia Tuan Haji lukman Bin Abu Bakar  
Pengarah Urusan Johor Land Berhad

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri Johor Darul Takzim;

YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, pemimpin-pemimpin masyarakat para media, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Skim MyHome merupakan salah satu inisiatif kerajaan melalui Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam meningkatkan penawaran rumah mampu milik kepada rakyat. Skim MyHome ini telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri ketika membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 2014 pada 25 Oktober 2013 yang bertujuan untuk menggalakkan penglibatan sektor swasta untuk membangunkan dan membina lebih banyak rumah mampu milik yang lebih selesa dan kondusif kepada bakal pembeli yang layak untuk memiliki rumah pertama mereka. Skim MyHome menawarkan insentif RM30,000 seunit, dimana ianya memberi faedah kepada pembeli-pembeli rumah dan juga pemaju-pemaju swasta yang berkeelayakan. Kerajaan telah bersetuju untuk menyediakan peruntukan sebanyak RM300 juta bagi pembinaan 10,000 unit rumah mampu milik di seluruh negara.

Pada masa kini status pelaksanaan Skim MyHome di seluruh negara adalah sangat memberangsangkan. Pihak Kementerian telah menerima permohonan daripada 109

pemaju untuk melaksanakan 119 projek Skim MyHome. Bilangan unit rumah yang terlibat adalah 30,428 unit rumah. Sehingga kini, pihak Kementerian telah memberikan kelulusan dasar kepada 35 pemaju perumahan merangkumi 37 projek yang melibatkan sebanyak 9,418 unit rumah di seluruh negara untuk dilaksanakan di bawah Skim MyHome. Untuk makluman tuan/puan, jumlah permohonan pembeli secara online di seluruh negara sehingga 1 April 2016 adalah sebanyak 90,123 orang.

Bagi Negeri Johor Darul Takzim, pihak Kementerian telah menerima permohonan daripada pihak pemaju untuk melaksanakan 14 projek Skim MyHome daripada 11 pemaju perumahan bagi membina sebanyak 5,556 unit rumah. Daripada permohonan pemaju perumahan ini, sebanyak 7 projek melibatkan 5 pemaju perumahan melibatkan 3,320 unit rumah telah diberikan kelulusan oleh pihak kementerian.

Bagi Projek Skim MyHome Bandar Dato' Onn, Johor Bahru, Jawatankuasa Pemilihan Projek Skim MyHome telah meluluskan projek ini pada 19 Jun 2014. Kelulusan yang diberikan adalah sebanyak 1,000 unit rumah pangsapuri dengan keluasan minima 850 kaki persegi kepada Pemaju Johor Land Bhd. Untuk makluman tuan puan juga Kementerian telah menerima permohonan pembeli berjumlah 11,531 permohonan di Negeri Johor, sehubungan dengan itu Kementerian menyeru supaya lebih ramai pemaju perumahan untuk menyertai skim ini bagi memenuhi permintaan perumahan di Negeri Johor Darul Takzim.

Dalam Mesyuarat Majlis Perumahan Negara Siri 3 Bil. 1 (2015) bertarikh 21 Ogos 2015, mesyuarat telah bersetuju dengan cadangan penambahbaikan Skim MyHome iaitu melalui bayaran upfront kepada pemaju yang menyertai Skim ini sebagai langkah untuk menarik lebih ramai pemaju untuk menyertai Skim MyHome yang seterusnya memberi manfaat kepada rakyat .

Sehingga hari ini, KPKT telah meluluskan sebanyak 5 projek untuk pembayaran upfront insentif Skim MyHome dan hari ini kita akan sama-sama menyaksikan upacara penyampaian mock up insentif MyHome kepada pemaju projek perumahan MyHome iaitu Johor Land Berhad bagi projek MyHome Bandar Dato' Onn dan Bandar Tiram, Johor Bahru, pemaju Regency Land Sdn Bhd bagi projek Taman Saujana Aman Ijok, Selangor, pemaju Crescendo Development Sdn Bhd bagi projek Bandar Cemerlang, Johor Bahru dan Unitegap Sdn Bhd bagi projek Taman Belengu Residence, Temerloh, Pahang.

Hadirin yang dikasihi sekalian

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah diberi tanggungjawab oleh kerajaan pusat dalam membantu untuk merealisasikan hasrat kerajaan dalam menyediakan 1 juta unit Rumah Mampu Milik dalam tempoh 5 tahun (2013 - 2018) dengan penglibatan pelbagai agensi lain seperti Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Kerajaan Negeri dan pemaju swasta. Sehingga Disember 2015 kita telah berjaya menyiapkan 183,755 (17%) unit rumah. manakala 214,011 (19%) unit masih dalam peringkat pembinaan, manakala 309,571(28%) unit rumah masih dalam pelbagai peringkat perancangan.

Untuk makluman hadirin sekalian juga.

Dalam Mesyuarat Majlis Perumahan Negara Siri 4, Bilangan 1 Tahun 2016, yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Mohd. Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Beliau telah membincangkan mekanisme pelaksanaan beberapa inisiatif baru dalam pemilikan rumah untuk rakyat seperti yang telah beliau umumkan semasa pembentangan Bajet 2016 pada Oktober tahun lepas dan Pengubahsuaian Bajet 2016 pada Januari yang lalu.

Disini saya ingin mewar-warkan khabar gembira kepada bakal-bakal pembeli rumah di seluruh negara terutamanya di Negeri Johor, di mana, YAB Perdana Menteri yang kita kasih telah bersetuju dengan pelaksanaan skim dan insentif berikut :

Pertama, Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit). Skim ini telah dilancarkan mulai 6 April 2016 untuk membantu kumpulan sasaran yang mempunyai pendapatan isi rumah 10 ribu ringgit dan ke bawah dengan pemberian sumbangan atau bantuan deposit sebanyak 10% daripada harga jualan atau maksima 30 ribu ringgit (yang mana lebih rendah). Skim ini ditawarkan kepada pembeli rumah pertama untuk membantu rakyat membeli rumah yang berharga 500 ribu ringgit dan ke bawah melalui permohonan atas talian di laman web Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Kedua, penjualan rumah berharga sehingga 300 ribu ringgit kepada hanya pembeli rumah pertama seperti yang diumumkan beliau dalam Pengubahsuaian Bajet 2016 akan mula dilaksanakan mulai bulan ini. Sehubungan dengan itu bagi menggalakkan pemaju swasta untuk membina lebih banyak rumah berharga sehingga 300 ribu ringgit ini, KPKT telah menetapkan beberapa insentif kepada pemaju seperti:

- i. bagi rumah-rumah yang berharga RM300 ribu ringgit ke bawah, nilai deposit kekal di paras RM200 ribu ringgit. Kadar semasa nilai deposit adalah sebanyak 3% daripada anggaran kos pembinaan (Gross Development Cost, GDC; dan
- ii. bagi pembangunan bercampur (mixed development), nilai deposit adalah berdasarkan baki pemajuan rumah-rumah yang berharga melebihi 300 ribu ringgit.

Selain itu juga YAB Perdana Menteri juga turut mengumumkan, penganjuran Karnival Rumah Mampu Milik yang akan dilaksanakan secara bersepadu diantara agensi-agensi seperti Jabatan Perumahan Negara, PR1MA, SPNB, Kementerian Wilayah Persekutuan, PPA1M dan pemaju swasta. Karnival yang akan dilaksanakan mengikut zon ini, akan bermula dengan Zon Tengah iaitu di MAEPS, Serdang pada Julai 2016 di mana karnival ini akan menawarkan lebih daripada 50 ribu unit rumah untuk dijual kepada pengunjung sepanjang karnival berlangsung.

Hadirin yang saya hormati sekalian

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama padu dalam merealisasikan usaha kerajaan ke arah memastikan penyediaan rumah kediaman yang mencukupi, berkualiti dan mampu dimiliki terutama pihak Kerajaan Negeri Johor

Darul Takzim, Jabatan Perumahan Negara, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Johor Corporation, Johor Land Berhad, Regecy Land Sdn Bhd, Crescendo Development Sdn Bhd dan Unitegap Sdn Bhd serta semua agensi lain yang berkaitan.

Kerjasama tuan-tuan dan puan-puan, adalah aspirasi bagi Kerajaan untuk mewujudkan industri perumahan yang berdaya saing dan mampan dan kerjasama ini seterusnya akan memberi manfaat yang baik kepada rakyat. HARAPAN ANDA, ASPIRASI KAMI.

Sekian, terima kasih.